

16 AUG 1996

PERDANA MENTERI TURKI TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) --- Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Ketibaan Erbakan disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Erbakan dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di samping menyampaikan ucapan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Upacara sambutan rasmi akan diadakan di medan Parlimen esok.

Lawatan itu merupakan yang pertama bagi Erbakan ke Malaysia sejak dilantik menjadi Perdana Menteri pada Jun lepas.

-- BERNAMA

WN AKD